

Produk pendidikan berkualiti

Institusi pengajian tinggi wajar beri tumpuan kepada aspek kualiti: Raja Nazrin

BH- 6/6/2007

Oleh Mohd Feroz Abu Bakar
dan Raja Nora'in Hidayah

SERI ISKANDAR: Negara kini perlu mengalakan perhatian untuk menghasilkan produk pendidikan yang berkualiti dari segi penyelidikan, penerbitan dan graduan, titah Raja Muda Perak, Raja Dr Nazrin Shah.

Baginda bertitah, dalam tempoh 50 tahun mencapai kemerdekaan, negara memperlihatkan kesungguhan dalam menyediakan prasarana pendidikan dalam pelbagai peringkat dan memiliki rekod baik jika diukur dari sudut pencapaian kuantiti.

"Dalam aspek pencapaian kualiti, institusi pengajian di negara ini masih belum dapat meletakkan imej negara pada tahap terbilang. Oleh itu, amatlah penting bagi setiap institusi pengajian meletakkan tanda aras yang tinggi dan memberi fokus kepada aspek kualiti.

"Kualiti tidak harus dikorbankan kerana mengejar pencapaian kuantiti. Malah, amatlah membimbangkan jika sasaran kuantiti diberikan keutamaan hingga aspek kualiti sanggup diketepikan," titah baginda

ketika merasmikan Kolej Profesional Mara Seri Iskandar di sini, semalam.

Turut hadir, Raja Puan Besar Tuanku Zara; Raja Di Hilir Perak, Raja Jaafar Raja Muda Musa; Raja Puan Muda Perak Raja Nor Mahani Raja Shahar Shah; Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Khamsiyah Yeop; dan Menteri Besar Perak, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali.

Raja Nazrin bertitah, pencapaian kualiti memerlukan perancangan yang teliti lagi mendalam dan ia tidak akan tercapai melalui pelaksanaan program secara mendadak serta terburu-buru.

"Institusi pengajian ternama di serata dunia, yang terkenal dari aspek kualitinya menetapkan kawalan kualiti yang ketat dari segi pengambilan bukan saja tenaga pengajar malah pengambilan pelajar," titah baginda.

Justeru, baginda bertitah, penghasilan siswazah berkualiti amat bergantung pada tenaga pengajar berkualiti yang memiliki cukup pengalaman dan cukup kematangan dalam kaedah penyelidikan, penulisan serta pengajaran dan ia memerlukan masa.



APA KHABAR: Raja Dr Nazrin diiringi Tuanku Zara Salim dan Khamsiyah Yeop bersalam dengan pelajar Kolej Profesional Mara Seri Iskandar selepas majlis perasmian kolej berkenaan di Seri Iskandar, semalam.